

Penduduk dakwa kuari punca Sungai Kulim terhakis

Kulim: Penduduk tiga kampung di Mukim Keladi di sini, mendakwa kegiatan sebuah kuari melaksanakan aktiviti mengorek pasir menyebabkan berlaku hakisan dan runtuh tebing yang serius di Sungai Kulim sejak lebih tiga tahun lalu.

Kesan kegiatan itu dikatakan menyebabkan aliran sungai menjadi terlalu deras, terutama ketika musim tengkujuh sehingga menjejaskan kehidupan penduduk di Kampung Tok Rasul, Kampung Sungai Badak dan Kampung Dusun.

Tinjauan mendapati kuari terbabit melakukan kerja mengorek pasir sungai pada jarak terlalu hampir dengan kebun dan kawasan penempatan penduduk hampir setiap hari.

Keadaan itu secara tidak langsung mengakibatkan hakisan pa-

da tebing Sungai Kulim dan menjadikan sungai lebih lebar serta alurnya berubah dari kedudukan asal.

Penduduk, Borhan Ayob, 43, berkata kedudukan kuari yang terletak hanya kira-kira 150 meter dari tanah miliknya didapati semakin berleluasa dalam tempoh dua tahun kebelakangan.

Katanya, setiap hari penduduk melihat jentera berat seperti traktor dan lori hantu membawa pasir yang dikorek dari sungai dibawa keluar pemilik kuari sebelum dijual bagi kegiatan pembinaan.

“Asalnya tebing Sungai Kulim ini adalah tanda sempadan tanah milik saya, tetapi sejak kegiatan mengorek pasir dilakukan, tebing sungai runtuh dan kedudukan sungai pula berubah dan kini aliran Sungai Kulim berada dalam



Lori bawa pasir yang dipercayai dikorek di Sungai Kulim menyebabkan berlaku hakisan dan runtuh tebing yang serius sejak lebih tiga tahun lalu.

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

kebum saya.

“Ini berdasarkan kedudukan batu sempadan asal yang kini berada di seberang sungai dan saya pula ‘kehilangan’ tanah le-

bih sembilan meter yang kini menjadi sungai,” katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, aduan sudah dibuat beberapa kali kepa-

da Pejabat Daerah Kulim dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), malah perbincangan bersama pemilik kuari pernah dibuat, namun sehingga kini tiada penyelesaian dicapai.

Katanya, kegiatan kuari pernah dihentikan sementara selepas penduduk kampung membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), namun kembali seperti biasa tidak lama kemudian.

Sementara itu, EXCO Kerja Raya, Bekalan Air dan Sumber Air, Tenaga negeri, Datuk Suraya Yaacob ketika dihubungi, memaklumkan EXCO Pertanian dan Industri Makanan negeri, Azman Nasrudin sudah melakukan tinjauan ke kawasan itu baru-baru ini dan akan mengeluarkan kenyataan berhubung isu terbabit pada masa terdekat.